

# Berita Ba UTeM

www.utem.edu.my | edisi Jun 2012



**Mahasiswa UTeM  
Bangga Jayakan  
PELANCARAN UTC**

*Majlis Ramah Mewa*  
Bersama  
**Tun Canselor UTeM**

**TVTC Arab Saudi**  
*Minat Jalin Kerjasama  
dengan UTeM*

**MTUN Meterai  
KERJASAMA dengan**  
**Institutes of Technology Ireland (IOTI)**

ISSN 1985 - 4706



9 771985 470003

**UTeM**



## Naib Canselor adakan Kunjungan Hormat ke Pejabat Yang di-Pertua Negeri Melaka


**6 Jun :** Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan hari ini mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Mohd Khalil Yaakob merangkap Canselor UTeM di Seri Negeri, Ayer Keroh.

Jelas Dr. Ahmad Yusoff, kunjungan itu bertujuan untuk menyampaikan ucapan tahniah di atas perlantikan semula Yang di-Pertua Negeri Melaka bagi penggal yang ketiga.

"Di samping itu, Tun Canselor juga diberi penerangan ringkas mengenai program Minggu Haluan Siswa (MHS) 2012/2013 bagi peringkat diploma yang telah diadakan baru-baru ini".

"Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada 152 orang kakitangan UTeM juga turut dimaklumkan kepada Tun Canselor susulan penonjolan prestasi cemerlang kakitangan universiti sepanjang tahun 2011 yang lalu", ujar beliau.

Tambah beliau lagi, kunjungan itu diadakan bagi memastikan universiti ini seiring dengan hasrat dan pandangan Tun Canselor dalam menjadikan UTeM sebagai pusat kecemerlangan pendidikan teknikal di peringkat yang lebih tinggi.



## Isi Kandungan

Naib Canselor Adakan Kunjungan Hormat ke Pejabat Yang di Pertua Negeri Melaka	2	11 FTMK Anjur Kem Gempur Tingkat Semangat Motivasi FKE curah kasih di Rumah Anak Yatim
Majlis Ramah Mesra bersama Tun Canselor UTeM	3	12 UTeM menyokong amalan terbaik pelaksanaan PSPTN Lawatan Kerja FTK ke POLISAS
MTUN Meterai Kerjasama dengan Institutes of Technology Ireland	4	13 Lulusan Kolej Komuniti ke UTeM UTeM dekati masyarakat Karnival 1MinDef
TVTC Arab Saudi Minat Jalin Kerjasama dengan UTeM	6	14 Bangunan Canselori hadapi simulasi sebenar kebakaran Program Khidmat Masyarakat bantu warga emas dan saudara baru Tingkat Kefahaman Islam
UTeM adakan Lawatan Keserakahan ke Taylor's University	7	15 Hari Keluarga FKP mantapkan hubungan warga kerja
Minggu Haluan Siswa	8	16 UTeM Lakar Sejarahjohan Bot Berhias Pesta Sungai Melaka 2012
Festival Nasyid sempena Pesta Sungai Melaka berjaya Tarik Perhatian Pengunjung	9	17 Perkahwinan, kelahiran, personaliti
Mahasiswa UTeM bangga jayakan Pelancaran UTC Siswa UTeM dibimbang kaedah Pengurusan Acara	10	18 Kontijen UTeM Iekad Perlahaan Pencapaian di SUKUM 37
Bengkel Future Scenario Planning	19	Sekretariat SPR UTeM Anjur Kempen Anti Rasuah Dalam Kalangan Pelajar Sekolah



## Majlis Ramah Mesra

Bersama

# Tun Canselor UTeM

**22 Jun :** Yang di-Pertua Negeri Melaka merangkap Canselor UTeM Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Yaakob hari ini meluangkan masa melawat Kampus Induk di Durian Tunggal.

Ketibaan beliau di Masjid Sayyidina Abu Bakar untuk solat Jumaat bersama warga universiti ini telah disambut oleh Naib Canselor serta pegawai-pegawai kanan universiti. Ketika selesai solat Jumaat, Tun Mohd Khalil beramah mesra dengan warga UTeM terutama sekali mahasiswa yang sentiasa menantikan kehadiran beliau.

Seterusnya Tun Canselor melawat sekitar dusun durian disertai pegawai-pegawai kanan dan ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU). Para tetamu kemudiannya dihidangkan dengan buah-buahan tempatan seperti durian dan rambutan.

Di akhir lawatan, Tun Canselor meluangkan masa melihat dengan lebih dekat perkembangan pembinaan asrama pelajar yang dijangka siap dalam masa terdekat.



# MTUN Meterai KERJASAMA *dengan* Institutes of Technology Ireland (IOTI)

## The 2nd International Malaysia - Ireland Joint Symposium on Engineering, Science & Business (IMiEJS 2012)

Sustainable Engineering, Science & Business for a Better Quality of Life to Meet Future Challenges



18<sup>th</sup> & 19<sup>th</sup> June 2012  
Putra World Trade Centre, Malaysia

Organized by :



In Collaboration with :



"Kerjasama dalam bidang penyelidikan, pertukaran teknologi dan kepakaran antara institusi terlibat akan meningkatkan lagi penghasilan produk penyelidikan dan modal insan berkualiti tinggi sejajar dengan matlamat ke arah status negara maju," jelas Ahmad Yusoff.



**18 Jun :** Dalam usaha ke arah memartabatkan pendidikan teknikal dalam negara kita maka jalinan dan kerjasama strategik di peringkat antarabangsa terus dilaksanakan oleh universiti-universiti tempatan.

Terbaru, UTeM yang merupakan anggota Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Institutes of Technology Ireland (IOTI) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bersempena penganjuran The 2nd International Malaysia – Ireland Joint Symposium on Engineering, Science & Business (IMiEJS 2012).


UTeM yang diwakili oleh Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan berkata, MoU tersebut bakal memberi manfaat yang besar kepada MTUN yang turut dianggotai oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM).



"Kerjasama dalam bidang penyelidikan, pertukaran teknologi dan kepakaran antara institusi terlibat akan meningkatkan lagi penghasilan produk penyelidikan dan modal insan berkualiti tinggi sejajar dengan matlamat ke arah status negara maju," jelas Ahmad Yusoff.

Tambah beliau, inisiatif yang dilaksanakan hari ini seharusnya diberi perhatian sewajarnya oleh para penyelidik mahupun ahli-ahli akademik dari semua universiti yang terlibat dengan menggunakan peluang sebaiknya untuk berkolaborasi dengan IOTI dalam bidang-bidang berkaitan.

Hadir sama menyaksikan majlis menandatangani MoU itu Duta Besar Republik Ireland ke Malaysia HE Declan Kelly serta Setiausaha Bahagian Dasar dan Antarabangsa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Ahmad Nazri Sulaiman manakala IOTI diwakili oleh President of Athlone Institute of Technology, Prof. Ciaran O Cathaim.



## TVTC Arab Saudi *Minat Jalin Kerjasama dengan UTeM*

**12 Jun :** Delegasi dari Technical and Vocational Training Corporation (TVTC), Arab Saudi yang diwakili oleh Ketua Pengarah Mazyad M. Almohaileb dan Ketua Jabatan Kemasukan, Muhammad S. Al-Essa hari ini mengadakan kunjungan ke Kampus Induk UTeM.

Menurut Pengarah Pejabat Antarabangsa, Dr. Nanna Suryana Herman berkata, objektif kunjungan delegasi itu adalah untuk mengukuhkan hubungan antara UTeM dengan TVTC di samping berkongsi pandangan mengenai kerjasama yang akan diadakan pada masa akan datang.

Menurut Mazyad M. Almohaileb, berdasarkan tinjauan dan pemerhatian sepanjang lawatan itu mengakui UTeM merupakan sebuah universiti teknikal yang berkembang maju dalam pelbagai sudut sama ada pembangunan fasiliti, penghasilan graduan profesional serta kecemerlangan penyelidikan dan inovasi.

Delegasi juga turut dibawa melawat ke beberapa buah makmal berteknologi tinggi yang terdapat di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP). Mereka turut diberi taklimat dan pendedahan mengenai peralatan yang digunakan dalam pembelajaran aplikasi dan praktikal di sini.





# UTeM Adakan Lawatan Keserakahan ke Taylor's University

**18 Jun :** UTeM baru-baru ini telah mengadakan lawatan keserakahan ke Taylor's University di Subang Jaya untuk meninjau dan berkongsi pengalaman dalam menguruskan kampus mesra pelajar.

Lawatan itu diketuai oleh Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, disertai Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) Prof. Dr. Muhammad Ghazie Ismail serta beberapa pegawai kanan universiti.

Presiden merangkap Naib Canselor Taylor's University, Prof. Dato' Dr. Hassan Said turut hadir menyambut ketibaan delegasi UTeM serta menyampaikan taklimat mengenai latar belakang serta sejarah pembangunan kampus universiti berkenaan.

Menurut Dr. Ahmad Yusoff, lawatan ini bertujuan melihat dengan lebih jelas konsep kampus mesra pelajar di Taylor's University yang terkenal dengan keindahan senibina moden serta mendapat pengiktirafan antarabangsa.



# Minggu Haluan Siswa

## Beri Pendedahan Bermakna Kepada Pelajar Baru

**6 Jun** : Perasmian Minggu Haluan Siswa (MHS) telah disempurnakan oleh Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan di Dewan Besar hari ini.

Ketika menyampaikan ucapan, Dr. Ahmad Yusoff mengucapkan tahniah kepada mahasiswa yang terpilih melanjutkan pengajian ke UTeM. Beliau menyeru mahasiswa agar meningkatkan usaha ke arah kejayaan seawal menjelaskan kaki ke menara gading.

MHS yang berlangsung selama seminggu dimuatkan dengan pelbagai aktiviti yang memberi pendedahan kepada mahasiswa baru mengenai kehidupan di alam universiti. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan menjurus kepada pembentukan sahsiah dan kerja berpasukan di samping pengenalan kepada kemudahan-kemudahan yang terdapat di kampus.



## Festival Nasyid Sempena **PESTA SUNGAI MELAKA** Berjaya Tarik Perhatian Pengunjung

**21 Jun**: UTeM baru-baru ini telah menganjurkan Festival Nasyid bersempena Pesta Sungai Melaka 2012 yang berjaya menarik penyertaan 30 pasukan dari dalam dan luar negeri Melaka.

Pegawai Kebudayaan UTeM, Amir Ali berkata, objektif penganjuran diadakan adalah untuk memartabatkan seni nasyid sebagai salah satu cara menonjolkan kepelbagaian dan keunikan budaya Malaysia di samping bertindak sebagai medium pengajaran, memupuk semangat perpaduan dan kerjasama dalam kalangan masyarakat setempat serta para pelajar melalui aktiviti kesenian.

Johan bagi kategori sekolah tadika dimenangi oleh kumpulan nasyid dari Tadika Comel Ria manakala kategori sekolah menengah pula dimenangi oleh Sekolah Menengah Arab JAIM.

Manakala kumpulan nasyid Balqis dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menjadi johan kategori terbuka dengan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM 1,000 beserta piala.

Hadiyah-hadiyah telah disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Negeri Hal Ehwal Agama Islam, Datuk Hj. Yaakub Md Amin. Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi serta Penolong Naib Canselor (HEPA) Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman.





## Mahasiswa UTeM Bangga Jayakan PELANCARAN UTC



Salah seorang mahasiswa UTeM yang terlibat dalam kerja-kerja menyiapkan logo itu, Farah Masdiana Ahmad Kasim, 21, menyifatkan program itu sangat bermakna kepada dirinya kerana usaha selama dua hari menyiapkan bentuk yang dikehendaki amat menguji daya kreativiti perserta.

"Perasaan seronok dan teruja yang tidak dapat digambarkan apabila hasil kerja saya dan rakan-rakan lain menjadi tontonan rakyat seluruh negara dan yang paling tidak dapat dilupakan apabila Perdana Menteri sendiri memuji usaha kami," jelas beliau yang ditemui sewaktu majlis perasmian.

Katanya lagi, program seperti itu memberi kesempatan kepada belia selaku belia untuk menyumbang bakti dalam menjayakan agenda negara.

### Siswa UTeM Dibimbang **KAEDAH PENGURUSAN ACARA**

**16 Jun :** Seramai 30 orang pelajar telah menghadiri Bengkel Pengurusan Acara dan Pengurusan Projek di Auditorium Canselori, Kampus Induk Durian Tunggal.

Bengkel tersebut merupakan anjuran Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan myHarapan.

Menurut Penolong Pendaftar Unit Aktiviti Pelajar Pejabat HEPA, Mohd. Yaszli Mohamed Rahis berkata, program itu diadakan untuk memberi pendedahan kepada lapisan pemimpin belia secara teori dan praktikal berkenaan dengan pengurusan acara terutama dalam konteks program bercirikan kesukarelawanan dan keusahawanan.

Tambah beliau lagi, program ini dikendalikan oleh myHarapan secara percuma di beberapa buah IPT terpilih di seluruh negara. MyHarapan merupakan sebuah yayasan amanah belia yang ditubuhkan untuk membangunkan belia dan menyokong projek-projek khususnya yang menyumbang kepada pembangunan sosial ekonomi negara dengan menyediakan platform dan peluang kepada mereka.





## BENGKEL FUTURE SCENARIO PLANNING

**9 Jun** : UTeM selaku pelopor pengajian teknikal di negara ini telah mengadakan satu bengkel bagi membentuk serta menyuntik kaedah pemikiran strategik kepada pegawai kanan dan pengurusan universiti.

Bengkel 'Future Scenario Planning' telah dikendalikan oleh Prof. Sohail Inayatullah, tokoh tersohor dunia dalam bidang perancangan strategik dari Universiti Tamkang, Taiwan. Beliau telah berkongsi teori dan amalan terbaik dalam menghasilkan perancangan strategik untuk memajukan sebuah organisasi.

Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dalam ucapannya mengalu-alukan kerjasama serta peranan yang dimainkan oleh para peserta dalam usaha menjadikan universiti ini sebagai pusat pengajian teknikal yang disegani.

Beliau turut melahirkan harapan agar bengkel tersebut dimanfaatkan sepenuhnya supaya perancangan untuk memajukan bahagian masing-masing direalisasikan berpandukan panduan yang disampaikan oleh Prof. Sohail.

Turut menyertai bengkel itu Pengurus LPU Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee Laidin, Ahli LPU Omar Shariff Mydeen serta wakil dari Persatuan Alumni UTeM (AUTeM).

# FTMK ANJUR KEM GEMPUR

## TINGKAT SEMANGAT MOTIVASI



**17 Jun :** Demi melahirkan graduan yang unggul dalam semua aspek, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) telah mengambil inisiatif menganjurkan Kem Gempur Siri 1/2012 melibatkan 44 orang pelajar fakulti berkenaan baru-baru ini.

Bertempat di Kem Modal Insan Homestay, Sungai Rambai, Kem Gempur yang dianjurkan bertujuan meningkatkan motivasi pelajar dalam menghadapi semester mendatang di samping membentuk semangat berpasukan dalam kalangan peserta.

Menurut Dekan fakulti itu Prof. Madya Shahdan Md. Lani berkata, Kem Gempur bertindak sebagai platform untuk merapatkan hubungan antara warga kerja fakulti dengan mahasiswa melalui bimbingan bagi memaksimumkan potensi diri agar kecemerlangan dalam bidang akademik dapat dicapai.

Turut diadakan aktiviti berkumpulan yang dikenali dengan Explorace di sekitar kawasan Parit Penghulu. Kepuasan jelas terpancar di wajah para peserta dan ketika ditemui di penghujung program mereka bertekad untuk membuktikan kemampuan diri dengan mencapai keputusan yang cemerlang pada semester seterusnya.



## FKE Curah Kasih DI RUMAH ANAK-ANAK HARAPAN KRUBONG PERDANA

**15 Jun :** Jawatankuasa Kebajikan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah mengadakan lawatan amal ke Rumah Anak-anak Harapan di Krubong Perdana hari ini.

Lawatan itu diketuai oleh Dekan Prof. Madya Dr. Zulkifilie Ibrahim bersama Pengurus Jawatankuasa Kebajikan FKE Abdul Aziz Mustapha serta 25 orang kakitangan lain.

Rumah Anak-Anak Harapan itu ditubuhkan pada tahun 2005 dan telah mendapat pelbagai sumbangan daripada pihak perseorangan dan juga kerajaan. Sehingga kini penghuninya adalah seramai 33 orang kanak-kanak seawal usia setahun hingga 12 tahun.

Dr. Zulkifilie dalam ucapannya berhasrat untuk sama-sama membantu anak-anak kecil yang memerlukan bantuan dan sokongan agar mereka lebih yakin untuk menempuh cabaran di masa hadapan.

# UTeM Sokong Amalan Terbaik Pelaksanaan PSPTN



**21 Jun :** UTeM sentiasa menyokong pelaksanaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang merupakan agenda utama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Menurut Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan berkata, UTeM sememangnya sentiasa menyokong penuh pelaksanaan PSPTN yang mana ianya akan memantapkan lagi perjalanan hala tuju dan kejayaan sesebuah universiti itu.

Beliau berkata demikian sewaktu menghadiri seminar aktiviti-aktiviti terpilih PSPTN yang dianjurkan oleh pihak KPT dan dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin di Putrajaya hari ini.

Tambah beliau, seminar sebegini sememangnya memberi manfaat besar dalam perkongsian ilmu dan pengalaman dalam mengatur strategi dan perancangan sesebuah universiti ke arah kecemerlangan berterusan.

Antara lain seminar ini juga turut menyediakan sumber rujukan kepada semua pelaksana PSPTN di Institut Pengajian Tinggi (IPT) untuk merangka dan melaksanakan aktiviti-aktiviti dengan lebih baik berdasarkan kepada amalan-amalan baik yang telah dilaksanakan.

Jelasnya lagi, pelbagai tajuk program dibentangkan dan dikongsi dalam kalangan pihak universiti yang hadir antaranya ialah meningkatkan penulisan penerbitan ilmiah melalui penyelidikan berimpak dan berkualiti.



## Lawatan Kerja FTK ke POLISAS

### Perkuuh Kerjasama & Martabatkan TVET



**19 Jun :** Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) telah mengadakan lawatan kerja ke Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) Kuantan hari ini.

Delegasi diketuai Dekan Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff disertai Ketua Jabatan Teknologi Kejuruteraan Pembuatan, Engr. Zolkarnain Marjom serta lima orang tenaga pengajar dari fakulti itu.

Menurut Prof. Madya Mohd Rahimi berkata, objektif utama lawatan itu adalah untuk mengukuhkan lagi jalinan kerjasama yang sedia terjalin antara FTK dan POLISAS serta menjelaskan secara terperinci tentang program teknologi kejuruteraan yang ditawarkan di UTeM.

Kunjungan FTK telah telah disambut Pengarah POLISAS Mej. (K) Dato' Haji Abu Bakar Ahmad bersama Timbalan Pengarah (Akademik) Mohamad Isa Azhari serta Ketua-ketua Jabatan institusi berkenaan.

# Lepasan Sijil Kolej Komuniti Berpeluang Sambung Pengajian Diploma Di UTeM

**31 Mei** : Lepasan sijil dari rangkaian Kolej Komuniti Malaysia bakal meraih peluang keemasan melanjutkan pengajian di peringkat diploma UTeM.

Perkara itu dibincangkan bersama Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di Kampus Induk Durian Tunggal.

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi mempengerusikan perbincangan itu manakala JPKK diwakili oleh Pengarah Pembangunan Akademik, Ir. Chan Chee Meng.

Menurut Dr. Mohamad Kadim, objektif utama perbincangan ini tertumpu kepada mencari kaedah terbaik bagi lepasan sijil Kolej Komuniti untuk menyambung pengajian di peringkat diploma di universiti ini.

Ir. Chan menjelaskan JPKK sememangnya memperakui bahawa UTeM mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi maklumat dengan struktur program yang memenuhi spesifikasi di samping program kejuruteraan yang turut ditawarkan di sini.

Beberapa perbincangan susulan bakal diadakan lagi dengan meneliti pelbagai aspek dan keperluan lain sebelum ianya boleh dilaksanakan sepenuhnya.



## UTeM Dekati Masyarakat Di **KARNIVAL 1MINDEF**

**29 Jun** : UTeM turut serta menjayakan Karnival 1MinDef anjuran Kementerian Pertahanan Malaysia yang diadakan bermula hari ini di Stadium Mersing, Johor.

UTeM merupakan antara institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang terlibat dalam karnival berkonsepkan pameran yang disertai oleh semua cabang perkhidmatan dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM), agensi-agensi di bawah Kementerian Pertahanan di samping beberapa agensi kerajaan dan swasta yang lain.

Di atas platform karnival ini UTeM terus melaksanakan agenda mendekati masyarakat terutama golongan masyarakat luar bandar di sekitar Mersing

bagi menyampaikan maklumat terperinci berkaitan universiti.

Gerai pameran UTeM menjadi tumpuan orang ramai termasuklah golongan pelajar yang berinteraksi secara langsung dengan petugas-petugas yang terus memberi penerangan mengenai program yang ditawarkan serta syarat-syarat kemasukan.

Karnival telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad yang juga merupakan Ahli Parlimen Mersing.



# BANGUNAN CANSELORI HADAPI SIMULASI SEBENAR KEBAKARAN

**28 Jun :** Bangunan Canselor hari ini digegarkan dengan siren kecemasan daripada kenderaan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang bergegas ke bangunan tersebut apabila menerima panggilan kecemasan pada jam 10.00 pagi.

Kepulan asap jelas kelihatan di pintu masuk bangunan tersebut dan loceng kecemasan yang berbunyi menjadikan situasi lebih tegang. Operasi menyelamat oleh anggota bomba terlibat terus dimulakan sejurus tiba di lokasi kejadian.

Demikian simulasi sebenar kebakaran yang dilaksanakan oleh Pejabat Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan, Canselor dengan kerjasama pihak Bomba dan Penyelamat negeri Melaka. Latihan tersebut bertujuan memberi pendedahan sebenar terhadap langkah-langkah yang perlu diambil ketika berlaku kebakaran. Sesi latihan turut diakhiri dengan taklimat post-mortem untuk memperbaiki tindakan penghuni bangunan apabila menghadapi situasi kecemasan sebenar.





## Program Khidmat Masyarakat Bantu Warga Emas dan Saudara Baru Tingkat Kefahaman Islam

**26 Jun** : Pusat Pembelajaran Berterusan (PPB) baru-baru ini tampil dengan penganjuran program khidmat masyarakat yang bertumpu kepada pembangunan kerohanian warga emas dan saudara baru di Melaka.

Program bertajuk "Indahnya Hidup Bertuhan: Dari Sudut Spiritual NLP" dianjurkan dengan kerjasama Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Bahagian Melaka telah disertai oleh 70 peserta di Kompleks Darul Huda, Pusat Perkhidmatan dan Bimbingan Saudara Muslim Negeri Melaka.

Menurut Pengarah PPB Prof. Madya Dr. Izzaidin Abdul Majid berkata, program khidmat masyarakat itu dianjurkan bertujuan memberi bimbingan kepada saudara baru dan warga emas terhadap penghayatan rasa cinta kepada Allah SWT dari sudut sains.

"Program ini memberi panduan berguna kepada saudara baru dalam mengenali serta meningkatkan keimanan mereka terhadap kebesaran Yang Maha Esa dan kami amat bertuah kerana mendapat sokongan padu daripada pihak pengurusan PERKIM," jelas Dr. Izzaidin.

Menurut Dr. Izzaidin lagi, pihaknya turut memperkenalkan peluang-peluang pengajian jangka pendek serta program kerjasama yang boleh dianjurkan bersama PERKIM bagi memberi manfaat kepada ahli-ahli yang bernaung di bawah pertubuhan itu.

## Hari Keluarga FKP Mantapkan Hubungan Warga Kerja

Seramai 200 orang kakitangan bersama ahli keluarga dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah mengadakan program Hari Keluarga bertempat di Pantai Puteri baru-baru ini.

Menurut Dekan FKP Dr. Mohd. Rizal Salleh berkata, pelaksanaan program hari keluarga bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dan semangat setiakawan antara kakitangan warga fakulti itu.

Antara aktiviti yang berlangsung adalah seperti senamrobik, sukaneka kanak-kanak dan dewasa, pertandingan mewarna dan tarik tali. Pertandingan karaoke turut diadakan bagi mencari bakat terpendam sesama warga FKP serta ahli keluarga mereka dalam suasana yang begitu meriah.





# UTeM LAKAR SEJARAH JOHAN BOT BERHIAS PESTA SUNGAI MELAKA 2012



30 Jun : UTeM terus mencipta sejarah apabila diumumkan sebagai johan pertandingan bot berhias sempena penganjuran Pesta Sungai Melaka 2012 yang berakhir baru-baru ini.

Upacara pengumuman keputusan pertandingan dijalankan dengan penuh gilang gemilang bertemakan kepahlawanan Melayu Melaka apabila semua tetamu kenamaan yang hadir berpakaian tradisional. Menurut Pengarah Pejabat Pembangunan UTeM merangkap ketua pasukan bot berhias Abdul Wahab Harun berkata, pasukannya sama sekali tidak menyangka penyertaan pada tahun ini membawa hasil sehingga berjaya merangkul gelaran johan.

"Apabila keputusan diumumkan, kami seolah-olah tidak percaya kerana saingan daripada peserta lain amat sengit namun perasaan syukur kami panjatkan kerana dapat mengharumkan nama universiti di pesta yang sangat berprestij ini," jelas Abdul Wahab.

Menurut beliau lagi, pasukannya mengambil masa selama seminggu untuk persiapan termasuk kerja-kerja merekabentuk konsep, membina struktur hiasan serta pemasangan lampu hiasan di bot.

Hadiyah-hadiyah telah disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Yaakob. Hadir sama pada majlis penyampaian hadiah itu ialah Ketua Menteri Melaka, Speaker Dewan Undangan Negeri serta pegawai-pegawai kanan kerajaan negeri.

Selaku juara UTeM membawa pulang wang tunai RM 7 ribu, piala iringan serta sijil penyertaan.

# Personaliti Pilihan

## MOHD AFIQ BIN HASHIM

Pembantu Aktaun  
Pejabat Bendahari



Mohd Afiq menyertai UTeM pada tahun 2009 dan ditempatkan di Pejabat Bendahari. Seorang yang aktif dalam aktiviti jabatan, Mohd Afiq merupakan anak jati Melaka kini menetap di Ayer Keroh bersama keluarga tercinta.

Sikapnya yang peramah dan ceria menjadikan Mohd Afiq senang bergaul dengan rakan sekerja. Beliau sentiasa memberi komitmen yang tinggi dalam menjayakan program-program yang dijalankan seperti Kempen 5S Pejabat Bendahari, menganggotai Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UTeM dan banyak lagi.

Pengalaman manis yang tidak dapat dilupakan apabila hasil inovasinya yang diberi nama "Calling Tower" meraih pingat perak dalam Ekspos Pameran dan Pertandingan Produk Penyelidikan UTeM 2012 (UTeMEX 2012).

Selain sumbangannya dalam bidang inovasi, Mohd Afiq juga menjadi pengurus pasukan bola sepak Bendahari pada kejohanan Sukan Antara Jabatan (SAJ) tahun ini.

## NURUL NADIAH BINTI MOHD NOOR

Penolong Pegawai Tadbir  
Fakulti Pengurusan Teknousahawanan



Memulakan karier di UTeM pada tahun 2009, Nurul Nadiah ditempatkan di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) untuk melaksanakan tugas berkaitan hal ehwal pentadbiran akademik di situ.

Berasal dari Batu Pahat Johor, Nurul Nadiah merupakan lulusan Diploma Pengajian Perniagaan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Machang Kelantan.

Seorang yang kaya dengan senyuman, tiada siapa menyangka bahawa beliau merupakan peminat setem yang memiliki koleksi dari seluruh dunia. Menerusi minatnya itu, Nurul Nadiah berpeluang mengenali dan mempelajari pelbagai jenis kebudayaan, peristiwa serta sejarah negara-negara berkenaan.

Di fakulti, Nurul Nadiah kerap terlibat dalam penganjuran pelbagai aktiviti antaranya seminar antarabangsa, ceramah eksekutif serta turut menyumbang bakti mempromosikan FPTT kepada umum.

## KELAHIRAN

**SELAMAT  
PENGANTIN  
BARU**

**23/6/2012**

Nur Aeliza Bte Ja'afar (Bahagian Dasar & Kualiti Pengurusan Pejabat Pendaftar) & Muhamad Amir Bin Mat Wajer



**2/6/2012**

Shamsudin B. Ithnin (PPKK, Canselor) & Noraini Bt Abdul Rahman

**Nurul Hana**

**15/6/2012**

**Nama Staf:**  
Hanafie bin Saip  
Pejabat Pendaftar



**Nama Anak:**  
Nurul Hana Insyirah binti Mohd. Hanafie.

**Zulaikha Daaniys**

**6/6/2012**

**Nama Staf:**  
Zaffaruddin Bin Hamzah  
PPKK, Canselor

**Nama Anak:**  
Zulaikha Daaniys binti Zaffaruddin





**28 Jun:** Seramai 160 atlet dan pegawai terdiri daripada staf UTeM melaungkan azam mempertahankan pencapaian cemerlang universiti di kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia ke-37 (SUKUM 37) yang akan berlangsung di Universiti Utara Malaysia (UUM) bermula 2 hingga 12 Julai ini.

Laungan semangat "UTeM Boleh!" berkumandang di Auditorium Canselor bersempena dengan majlis penyerahan bendera UTeM kepada ketua kontinjen yang disempurnakan oleh Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan.

Menurut ketua kontinjen UTeM, Hj. Ismail Abdol Jalil berkata, sebanyak 16 acara akan disertai antaranya bola sepak, sepak takraw, bowling padang, bola tampar, tenpin bowling, olahraga, tarik tali, pingpong, karom, dart serta catur.

"Pada tahun ini UTeM tidak mensasarkan harapan yang tinggi namun setidaknya untuk mempertahankan kedudukan cemerlang seperti yang pernah dicapai pada tahun lepas iaitu di tangga keempat daripada 21 kontinjen yang bertanding," katanya.

Sementara itu Naib Canselor Dr. Ahmad Yusoff ketika menyampaikan amanat berharap agar semangat kesukanan yang tinggi harus dipamerkan oleh semua atlet dan pegawai yang menyertai kejohanan pada kali ini.

"Kalah atau menang adalah adat perlawanan tetapi semangat kesukanan dan berpasukan menjadikan diri kita disanjung tinggi oleh pasukan lawan," kata Dr. Ahmad Yusoff.

Beliau kemudiannya menyaksikan bacaan ikrar yang dipimpin oleh bekas pemain bola sepak negara Sapian Wahid dan menyerahkan bendera UTeM kepada ketua kontinjen sebagai simbolik bermulanya perjuangan untuk mempertahankan prestasi cemerlang di persada sukan terulung dalam kalangan institusi pengajian tinggi awam (IPTA).



# Sekretariat SPR UTeM

Anjur **Kempen Anti Rasuah** Dalam Kalangan Pelajar Sekolah



**30 Jun :** Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) UTeM dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Melaka telah menganjurkan Program Bersama SPR di Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Abdullah (SMKMA) Melaka hari ini.

Pengarah Program Muhammad Aizat Adam berkata, program bertemakan 'Jom Berubah, Benci Rasuah' bertujuan memberikan pendedahan dan kesedaran kepada pelajar sekolah tentang bahaya rasuah.

Jelas beliau, program itu bertujuan untuk mendidik para pelajar agar tidak terjebak dalam gejala rasuah di alam persekolahan di samping sebagai ruangan motivasi kepada mereka supaya lebih bersedia dalam melangkah ke alam pekerjaan tanpa terjebak dalam kes-kes rasuah.

Antara program yang telah dijalankan ialah latihan dalam kumpulan (LDK) iaitu 'ice breaking', di samping ceramah bertajuk 'Pelajar Terbilang Jauhi Rasuah' oleh wakil SPMR dan pertandingan "explorace".

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Mokhtar Sani, Timbalan Pengarah SPMR Melaka. Turut hadir Razali Abd. Rahman Pegawai Jabatan Pelajaran Negeri Melaka serta Yusri Seman Guru Penolong Kanan SMKMA serta 80 pelajar tingkatan enam sekolah itu.

## Sidang Redaksi

### KETUA EDITOR :

Fazidah Binti Ithnin

### WARTAWAN :

Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad  
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

### REKA BENTUK GRAFIK :

Aziza Binti Md Buang  
Suria Binti Abd. Rahman  
Zaffaruddin Bin Hamzah

### JURUFOTO :

Md. Nor Bin Mohamad Saleh  
Nurulidayu Binti Talib  
Mohd Farid Bin Supangi  
Asri Bin Abu

### PENGEDARAN :

Yang Sarinah Binti Mohd Talib  
Mohammad Taufik Bin Osman





**UTeM**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

*'To Be One of the World's Leading Innovative  
and Creative Technical Universities'*

**Always A Pioneer,  
Always Ahead**

## Universiti Teknikal Malaysia Melaka

As a Focus University, UTeM boasts strengths in technical fields – namely Engineering, IT, and Management Technology. UTeM has cemented a reputation of being a source of high-quality engineering graduates with the capability of meeting the requirements of high-tech industries. UTeM also has research competencies in areas that it has identified as being key to enhancing the University's unique proposition and also contributes to the nation such as Green Technology, Systems Engineering, Human-Technology Interaction, and Emerging Technology.

UTeM admits not only local but also international students and this includes students from Indonesia, Saudi Arabia, Chad, Syria, Pakistan, Cameroon, Bangladesh, Tanzania, India, Somalia, Singapore, Qatar, Palestine, Libya, Iraq, Iran, Ghana, France, Yemen, Nigeria and Jordan.

[www.utm.edu.my](http://www.utm.edu.my)